

Kelab Penyayang UMS anjur Ceramah Membina Rakyat Berfikir dan Berehsan

UB 11.1.2018 B2

KOTA KINABALU : Kira-kira 150 mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaysia Sabah (UMS) hadir dalam Ceramah Membina Rakyat yang Berfikir dan Berehsan di Auditorium Perpustakaan UMS.

Ceramah itu disampaikan oleh Dato' Seri Jahaberdeen Mohamed Yunos, Sahabat Penyayang, pengasas dan Pengerusi Yayasan Rapera dan Panel Juri Sukarelawan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia 2018.

Program ini dianjurkan oleh Kelab Penyayang UMS dengan kerjasama pihak Yayasan Budi Penyayang Malaysia dan Yayasan Rafera.

Kelab Penyayang UMS dibentuk untuk menolong mahasiswa mahasiswi memahami cara pengurusan organisasi kebaikan supaya mereka dapat menyumbang kepada organisasi-organisasi kebaikan yang memerlukan kepakaran kesukarelawan

selepas mereka menamatkan pengajian.

Selain itu, untuk menggalakkan pembentukan sahsiah mahasiswa mahasiswi mempunyai sikap penyayang dan saling menghormati antara satu sama lain.

Dengan tagline Kelab Penyayang *With Love We Care*, ceramah ini diadakan untuk membantu orang ramai khususnya pelajar UMS untuk lebih berfikiran jauh dan berehsan di dalam hidup mereka.

Selain itu, ia juga bagi menyedarkan mereka bahawa sebagai seorang manusia mereka masih mempunyai banyak pilihan hidup dan mampu untuk membuat lebih banyak perkara daripada apa yang mereka fikirkan. Asalkan seseorang itu sentiasa belajar sepanjang hidup kerana ia kunci kepada segala pengetahuan untuk memajukan diri sendiri.

Penasihat Kelab Penyayang

UMSNorhanieyatiNorhaizat berkata program ceramah ini sangat baik dan memberi impak yang besar kepada peserta yang hadir.

Ilmu perkongsian yang diperolehi diharap mampu membantu untuk mengubah dan meningkatkan lagi cara berfikir dan menerapkan lebih peranan yang berehsan dalam diri para peserta kepada orang lain atau masyarakat.

Kehadiran Kol (PA) Dr. Mohammad Nizam Nazaruddin, Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha sebagai wakil Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) amatlah dihargai.

Turut hadir, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Timbalan Naib Presiden Majlis Perwakilan Pelajar, Presiden Kelab Penyayang UMS dan YDP Jakmas kolej kediaman UMS yang bersama-sama hadir bagi menjayakan program ini.



PESERTA yang mengikuti ceramah itu bergambar kenangan.